**Sumbangan insentif teksi & operator bas sekolah** MS 3

**Jenamakan semula PR1MA, TP1M** MS 14 & 27



PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 30 JUN 2018

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/ChowKonYeow

# Balik Pulau sentiasa di hati, ada banyak potensi untuk dimajukan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI & YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri beramah-mesra dengan salah seorang peniaga pada sesi lawatan khas ke Kompleks Pasar Awam Balik Pulau di sini baru-baru ini.**

**BALIK PULAU –** Kerajaan Negeri akan terus memberikan tumpuan kepada penduduk di Balik Pulau dalam memajukan kawasan itu melalui aktiviti berasaskan pelancongan dan produk pertanian tempatan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kawasan Balik Pulau mempunyai banyak potensi untuk dimajukan memandangkan kawasan Parlimen Balik Pulau sahaja meliputi sebahagian besar di bahagian pulau.

Menurutnya, selain pelancongan dan produk pertanian tempatan seperti durian, antara aspek utama yang perlu diberi perhatian untuk meningkatkan lagi potensi Balik Pulau adalah penyediaan infrastruktur bertaraf dunia.

"Antaranya, kemudahan pasar-pasar awam...Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan berwajib sejak 10 tahun lalu telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan di pasar-pasar awam di seluruh negeri.

"(Dan) penambahbaikan ini bukan setakat fizikal (bangunan) sahaja, tetapi juga perlu dari segi pengurusan dengan membabitkan pendekatan baharu iaitu '*stakeholders*' lain seperti penggerai serta peniaga.

"Jadi, untuk tempoh lima tahun ini (2018 – 2023), tumpuan diteruskan lagi bagi pengurusan dan kerja-kerja pemuliharaan sahaja dalam mewujudkan suasana yang bersih, hijau dan selamat sekaligus dapat menjalankan perniagaan dengan baik," ujarnya sejurus mengadakan lawatan kerja ke Kompleks Pasar Awam Balik Pulau di sini 20 Jun lalu.

Turut sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang; Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim.

Menurut Kon Yeow, sebagai penduduk di Balik Pulau yang sering berkunjung ke pasar awam berusia 10 tahun itu, maklum balas yang sering diterima adalah pengurusan pasar yang kurang memuaskan.

"Saya adalah penduduk Balik Pulau, adakalanya saya juga mai sini (Kompleks Pasar Awam Balik Pulau) makan atau bantu isteri beli barang-barangan tertentu.

"Ini (Kompleks Pasar Awam Balik Pulau) jugalah tempat para penggerai, peniaga dan penjaja menjana pendapatan...jadi mereka perlukan mengambil sikap atau rasa pemilikan (*sense of ownership*).

"Tanpa rasa pemilikan ini, penggerai mungkin akan rasa hanya menjaga premis perniagaan mereka sehaja...yang lain (mereka rasakan) bukan di bawah tanggungjawab mereka.

"Sebab itu, kita perlu suatu pengurusan yang lebih cekap dan lebih baik supaya tempat ini bukan hanya menjadi lokasi selesa untuk pengunjung yang datang ke sini, tetapi juga penggerai dan pihak berkuasa tempatan sendiri," jelasnya yang mahu melihat perubahan pengurusan kompleks pasar awam di negeri ini.

Dalam pada itu, Tung Seang sebagai respons turut mengalu-alukan penglibatan para peniaga dan komuniti setempat.

"Balik Pulau sentiasa di hati kami (MBPP) dengan pelbagai kemudahan telah dibangunkan sejak 10 tahun lalu termasuk inisiatif laluan basikal dan pusat penjaja.

"MBPP percaya, sekiranya kita semai rasa pemilikan seperti yang disarankan Ketua Menteri dan tidak hanya 'bersandar' kepada MBPP sahaja, kemudahan yang ada di Balik Pulau ini mampu membantu (penduduk setempat) dari segi ekonomi dan penjanaan pendapatan," serunya.

*(Rujuk juga muka 2 & 5).*

# 'Semangat Raya' di Seri Mutiara

**'SEMANGAT RAYA'...** Sudah menjadi kelaziman tatkala menjelang 1 Syawal, Aidilfitri disambut dalam suasana gembira bersama-sama sanak saudara dan rakan taulan.

Di kediaman rasmi Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas, sambutan Hari Raya tahun ini disambut sederhana namun tetap meriah.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang mengenakan busana batik rona merah ditemani isteri, Puan Tan Lean Kee hadir ke Seri Mutiara bagi memenuhi undangan khas Abdul Rahman dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff pada pagi Hari Raya pertama, 15 Jun lalu.

Turut mengiringi beliau, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri, Datin Seri Hamidah Mat Daud.

Selain berkongsi cerita sama ada hal ehwal negeri mahupun sambutan Aidilfitri, tetamu undangan turut berpeluang menikmati juadah istimewa yang disajikan khas sempena Hari Raya.



**CHOW Kon Yeow (dua dari kanan) sambil ditemani isteri berjabat tangan dengan Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) pada sambutan 1 Syawal di Seri Mutiara baru-baru ini.**

*(Dari muka 1).*

## Yakin dengan barisan kepimpinan baru, fokus menstabilkan ekonomi negara terlebih dahulu

**KEMENANGAN 4-0** bagi Parlimen Balik Pulau dan tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) baru-baru ini adalah amat mengejutkan!

Seiring keputusan tersebut, jelas terbukti bahawa rakyat tempatan mengharapkan yang terbaik daripada barisan kepimpinan baru dipilih.

Pendek kata, tiada masa untuk 'berbulan madu' bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Bayan Lepas, Teluk Bahang dan Ahli Parlimen Balik Pulau yang kini membawa amanat besar para penduduk setempat.

Ikuti temu bual wartawan Buletin Mutiara, **YAP LEE YING** bersama-sama beberapa penduduk Balik Pulau yang ditemuinya baru-baru ini.



**RODI Ismail.**

Bagi penduduk Sungai Rusa, **RODI ISMAIL**, 50, beliau yakin bahawa kerajaan baru akan membawa Malaysia ke arah lebih baik.

Pada masa sama beliau turut menaruh keyakinan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang baharu mampu terus memajukan Pulau Pinang dalam aspek ekonomi, alam sekitar dan juga pengangkutan.

"Menyentuh mengenai aspek pengangkutan, projek terowong dasar laut adalah perlu diteruskan.

"Ini untuk kebaikan, dan saya sangat setuju ia diteruskan demi generasi akan datang terutamanya dalam menyurai kesesakan lalu lintas kini.

"Malah, projek-projek pembinaan lebuh raya dan jalan raya baru melibatkan kawasan Balik Pulau juga adalah bagus kerana ia bakal mewujudkan laluan alternatif kepada para penduduk di sini," katanya yang merupakan seorang peniaga.

Mengulas mengenai infrastruktur di Kompleks Pasar Awam Balik Pulau, Rodi menyatakan bahawa tahap kebersihan di sini adalah perlu ditingkatkan.

"Pada masa sama, saya juga berharap bayaran parkir di kompleks ini dapat dimansuhkan kerana orang (umum) hanya datang sekejap sahaja untuk beli barang di sini, jadi tak wajar dikenakan bayaran parkir," serunya.



**SALMAH Ahmad (kanan) dan Harizone Abbas.**

Bagi **HARIZONE ABBAS**, 63, keutamaan beliau adalah bagi menstabilkan terlebih dahulu keadaan ekonomi negara.

"Saya tahu masalah kewangan negara. Buat masa ini, kurang-kurangkan bantuan (program-program sumbangan dan bantuan kepada rakyat) pun *takpe*, asalkan ekonomi negara kita Malaysia *okay*.

"Bantuan sedia ada pun, ada orang senang (berada) dapat, orang susah (kurang mampu) yang sepatutnya dapat (terima) tapi tak dapat.

"Justeru, biar ekonomi pulih dulu sebelum kita tambah atau buat yang lain," ujarnya yang menjalankan perniagaan runcit di Kompleks Pasar Awam Balik Pulau.

Dalam pada itu, **SALMAH AHMAD**, 61, berharap Ketua Menteri dan barisan kepimpinan baru dapat mengekalkan keamanan serta keharmonian negeri Pulau Pinang.

"Saya mendoakan yang Pulau Pinang akan terus berada dalam keadaan aman damai," jelasnya sambil tersenyum manis.



**EWE Siew Eng.**

Warga emas, **EWE SIEW ENG**, 67, memberitahu bahawa perniagaannya bertambah baik dengan pemansuhan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

"Saya harap ekonomi akan lebih baik.

"Berbanding dengan pasar awam lama (Balik Pulau), keadaan di pasar baru adalah jauh lebih baik terutamanya daripada segi infrastruktur, malah sewa yang dikenakan juga adalah berpatutan," katanya.

Serentak itu, salah seorang pelanggannya, **LIM AH TING**, 76, menyampuk bahawa Ketua Menteri baharu dilantik, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow merupakan jirannya di Balik Pulau.

"Beliau (Ketua Menteri) ialah jiran saya. Beliau sangat baik dan saya sudah tahu, selepas Lim Guan Eng (mantan Ketua Menteri), Chow (Kon Yeow) akan menjadi Ketua Menteri," ujarnya sambil menyatakan keyakinan bahawa semuanya akan berada dalam keadaan baik.

Pendapat sama turut dikongsi **M. PASIAMAH**, 62, berhubung barisan kepimpinan baru Kerajaan



**M. Pasiamah.**

Negeri Pulau Pinang.

Berkongsi pandangan bagi isu peringkat nasional, beliau yang berasal dari Titi Teras, Balik Pulau berharap kerajaan akan melihat semula polisi-polisi perumahan sedia ada demi keperluan golongan kurang mampu dan muda.

"Bagi aspek kebajikan wanita pula, saya berharap fokus yang lebih diberikan kepada golongan wanita berbangsa India," jelas beliau.




Oleh: **ME**

# Jumlah sumbangan insentif perkhidmatan pemandu teksi, operator bas sekolah mungkin ditingkatkan - KM

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB & SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mempertimbangkan hasrat untuk meningkatkan kadar pemberian insentif perkhidmatan pemandu teksi dan operator bas sekolah, kelak.

Ketika membuat pengumuman itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut meminta semua penerima mempertimbangkan hasrat pentadbirannya untuk memberi sumbangan insentif tahunan sekaligus, berbanding sebelum ini iaitu RM600 dalam dua sesi pembayaran pada awal dan pertengahan tahun.

"Mungkin majlis seumpama ini akan diadakan sekali sahaja dalam satu tahun, kalau (penerima bersetuju), kita akan laksanakan.

"(Jumlah pemberian insentif) RM600 atau akan dipertimbangkan lebih," ujarnya pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Teksi dan Bas Sekolah Bil. 2/2018 di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; beberapa Exco Kerajaan Negeri serta wakil rakyat Pakatan Harapan; Dr. Mohamad Farazi Johari (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri) turut sertai majlis itu.

Sebelum itu, Pengerusi Gabungan Pemandu Teksi Pulau Pinang, Abdul Malik Darus dan Naib Pengerusi Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Negeri Pulau Pinang, Lau Thang Chim turut menyampaikan ucapan.

Difahamkan, pemberian insentif kepada pemandu teksi dimulakan pada tahun 2013, manakala pada 2017, sumbangan serupa diperluas kepada operator bas sekolah pula.

Kali ini, seramai 2,342 pemandu teksi layak menerima insentif RM300 seorang, iaitu 1,652 pemandu dari bahagian pulau manakala baki 690 (Seberang Perai).

Daripada jumlah keseluruhan 653 operator bas sekolah, 312 penerima adalah dari bahagian pulau dan Seberang Perai (341).

Jumlah keseluruhan pemberian insentif kepada semua 2,995 penerima adalah RM898,500.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan bersama-sama barisan penerima pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Teksi dan Bas Sekolah Bil. 2/2018 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN pemandu teksi dan operator bas sekolah yang hadir pada majlis peringkat pulau.

Dalam pada itu, Abdul Malik yang ditemui kemudian memberitahu, persatuan gabungan bersetuju dengan cadangan Kon Yeow untuk meningkatkan jumlah pemberian insentif tahunan dalam satu sesi pembayaran sahaja.

Selain itu, beliau berharap pentadbiran Kon Yeow saling berbincang dengan Kerajaan Persekutuan mengenai isu-isu berbangkit membabitkan kepentingan pemandu teksi.

Salah satunya, menurut Abdul Malik, adalah cadangan menghapuskan operasi perkhidmatan kereta kongsi berbayar secara dalam talian.

"Saya ada berbincang secara peribadi supaya Y.A.B. Chow (Kon Yeow) yang juga Ahli Parlimen (Tanjong) supaya boleh bawa syor kami kepada Kerajaan Pusat, memandangkan Pakatan Harapan sudah menguasai Kerajaan Pusat," jelasnya.

Sementara itu, dalam majlis peringkat Seberang Perai, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman semasa berucap



ABDUL Malik Darus.

menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mengiktiraf khidmat bakti semua pemandu teksi di negeri ini sehingga menjadikan ia salah satu medium pengangkutan awam berkesan selama ini.

"Begitu juga dengan operator bas sekolah yang telah menyelesaikan banyak masalah ibu bapa untuk mengambil dan menghantar anak sekolah setiap hari.

"Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri ingin membantu mengurangkan beban pemandu teksi dan operator bas di negeri ini melalui insentif seperti ini," katanya.

Menurut Ahmad Zakiyuddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, insentif berkenaan akan terus diberikan sekiranya Kerajaan Negeri yang ada hari ini masih menerajui Pulau Pinang pada masa akan datang.

Malah tambahnya, Kerajaan Negeri juga berjanji untuk sentiasa menjaga kebajikan dan kepentingan semua pemandu teksi serta operator bas sekolah agar tidak ada golongan yang terpinggir dalam arus pembangunan negeri.

"Diharapkan semua pemandu teksi dan operator bas sekolah dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat di Pulau Pinang terutama dari segi keselamatan dan keselesaan mereka," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat pada majlis berkaitan.

## Mesyuarat Kewangan Negara bincang keadaan sebenar hutang Persekutuan dan negeri, respons KM

**BUKIT TENGAH -** Taklimat mengenai hutang negara yang dikatakan mencecah lebih RM1 trilion merupakan salah satu agenda utama dalam Mesyuarat Kewangan Negara.

Demikian respons Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika diminta mengulas mengenai kehadirannya dalam mesyuarat tersebut, yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama-sama Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang juga bekas Ketua Menteri Pulau Pinang.

"Majlis Kewangan Negara lazimnya diadakan satu tahun sekali sahaja, kebetulan mesyuarat ini perlu diadakan kerana sudah genap 12 bulan daripada mesyuarat lepas.

"Tidak ada perkara baru kerana Perdana Menteri sejak mengangkat sumpah (terimaan jawatan) pun sedang menangani isu (hutang negara mencecah lebih RM1 trilion) ini," jelasnya pada sidang media 8 Jun lalu.

Sebelum itu, Kon Yeow menyampaikan ucapan dalam Advokasi Khas Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Pulau Pinang Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri di Plaza Tol Juru di sini.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa Majlis Kewangan Negara turut membincangkan mengenai rekod pembayaran serta tunggakan hutang Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan.

"Selain itu, semua anggota mesyuarat tersebut turut dimaklumkan mengenai birokrasi pemberian peruntukan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri sebelum ini, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan serta keputusan-keputusan Majlis Kewangan Negara terdahulu.

"Perdana Menteri, setelah melihat laporan itu, menyatakan bahawa beliau mahu mengkaji semula cara yang mana peruntukan ini disalurkan kepada semua negeri.

"Sebab, mungkin formula ini ditetapkan apabila merdeka (1957) dan juga pembentukan Malaysia (1963), sekarang melebihi 50 tahun, beliau (Dr. Mahathir) mahu kaji semula supaya agihan peruntukan Persekutuan kepada negeri-negeri adalah lebih adil," ujar beliau.

# KM harap Program Sara Hidup Rakyat beri impak positif



CHOW Kon Yeow (barisan pertama, lima dari kanan), Lim Guan Eng (barisan pertama, enam dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Taklimat Bantuan Sara Hidup Rakyat & LHDN Kepada Semua ADUN, Ahli Dewan Rakyat serta Ahli Majlis bagi PBT di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NUR AFIQAH ZAINUDI**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap Kementerian Kewangan di bawah Menterinya, Lim Guan Eng dapat memastikan pelaksanaan Bantuan Sara Hidup Rakyat membawa impak positif kepada kebajikan rakyat terutama di Pulau Pinang.

Kon Yeow berkata demikian dalam Majlis Taklimat Bantuan Sara Hidup Rakyat & Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Kepada Semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ahli Dewan Rakyat serta Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini baru-baru ini.

"Jika sebelum ini program BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) tidak melibatkan Kerajaan Negeri, namun kini terdapat beberapa aspek perlu dikaji semula, antaranya jaminan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

"Ini bagi memastikan program (BR1M) yang dijenamakan semula sebagai Bantuan Sara Hidup Rakyat serta program-program negeri tidak berlaku pertindihan.

"Saya juga mengharapkan melalui Bantuan Sara Hidup Rakyat ini dapat meringankan beban seharian ditanggung oleh rakyat, serta memberi impak yang positif kepada kebajikan rakyat khususnya rakyat di negeri Pulau Pinang," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Berucap pada majlis sama, Guan Eng berharap Kerajaan Negeri dapat menjelaskan mengenai birokrasi pemberian Bantuan Sara Hidup Rakyat serta pelbagai lagi sumbangan Persekutuan lain kepada rakyat terutama di Pulau Pinang.

"Sungguhpun Kerajaan Persekutuan sekarang sedang menghadapi krisis ekonomi, hutang Persekutuan pun banyak telah melebihi RM1 trilion...nasib baik kita (Pakatan Harapan) memerintah, kalau tidak nanti akan jadi lebih teruk.

"Saya harap Kerajaan Pulau Pinang boleh terangkan kepada rakyat bahawa kita (Kerajaan Pakatan Harapan Persekutuan) buat langkah-langkah ini, yang pasti kita mampu pulangkan wang kepada rakyat.

"(Contohnya) apabila kita menghapuskan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan), kita pulangkan RM21 bilion (hasil GST) kepada rakyat, kita gantikan (GST) dengan SST (Cukai Jualan dan Perkhidmatan), kita dapat balik (hasil cukai) RM4 bilion, dia punya '*net effect*' RM17 bilion kita beri sama rakyat.

"Apabila kita beri subsidi untuk 'ikat' harga petrol tak bagi naik, kita (Kerajaan Persekutuan) belanja RM3 bilion, maka RM20 bilion kita beri sama rakyat.

"Begitu juga dengan BR1M sempena Hari Raya Aidilfitri, iaitu sebanyak RM1.6 bilion, menjadikan keseluruhannya RM22 bilion.

"Sekarang RM22 bilion ini berputar di pasaran, ini kita harap dapat mencerdaskan pembangunan ekonomi," jelasnya yang juga Timbalan Pengerusi Pakatan Harapan merangkap Setiausaha Agung DAP Kebangsaan.



(Dari muka 1).

# Pelan induk pembangunan Daerah Barat Daya, realisasi potensi boleh dimajukan demi kesejahteraan rakyat setempat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



CHOW Kon Yeow (empat dari kanan) menerima cenderamata kenangan daripada Zepri Saad bersempena sesi lawatan khas beliau ke Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

**PULAU BETONG -** Kerajaan Negeri bakal memastikan pembangunan di setiap daerah adalah sampai ke akar umbi dan membolehkan rakyat menikmatinya, ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Kon Yeow berkata, untuk tujuan tersebut beliau mencadangkan agar satu pelan induk khusus bagi setiap daerah dirangka terutamanya Daerah Barat Daya (DBD).

Menurut beliau, Kerajaan Negeri sememangnya tidak mempunyai pelan induk khusus untuk DBD sepanjang 10 tahun lalu yang dilihat agak terpinggir.

"Mungkin sudah sampai masanya, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selaku pihak berkuasa tempatan (PBT) bertanggungjawab, Pejabat Daerah dan Tanah DBD serta semua agensi memulakan satu pelan induk pembangunan di sini (DBD).

"Dengan adanya pelan ini, maka kita dapat memfokuskan kepada kekuatan dan kekurangan serta kelebihan yang ada di daerah ini.

"Melalui cara ini sahaja, kita dapat realisasikan potensi Barat Daya yang boleh dimajukan lagi demi kesejahteraan rakyat setempat," ujarnya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong bersempena sesi lawatan khas ke Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya dekat Balik Pulau di sini 21 Jun lalu.

Sesi lawatan yang berlangsung hampir tiga jam itu turut disertai ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain, Mohd. Tuah Ismail (ADUN Pulau Betong), Azrul Mahathir Aziz (ADUN Bayan Lepas), Zolkifly Md. Lazim (ADUN Teluk Bahang), Muhammad Bakhtiar Wan Chik (Ahli Parlimen Balik Pulau), Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) dan Pegawai Daerah, Zepri Saad.

Turut diketengahkan adalah permasalahan serta cadangan yang diutarakan wakil-wakil ADUN dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan serta Negeri.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa beliau akan mengambil tindakan susulan di peringkat negeri dengan mengutarakan cadangan berkaitan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dibincang dan diteliti.

"Bukan itu sahaja, Kerajaan Negeri juga merancang satu pelan pembangunan negeri untuk tempoh lima hingga 10 tahun akan datang dapat dilaksanakan.

"Pemimpin dan pentadbir boleh datang dan pergi, tapi dengan adanya pelan-pelan ini, ia akan menjadi platform yang lebih kukuh sebagai rujukan untuk membawa Pulau Pinang ke arah sebuah negeri yang lebih maju pada masa hadapan," jelasnya.

# Cadangan hospital kerajaan baharu di Balik Pulau demi sediakan perkhidmatan kesihatan terbaik

**BALIK PULAU -** Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik mencadangkan agar sebuah hospital kerajaan baharu dapat dibangunkan di Balik Pulau dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada masyarakat setempat.

Cadangan tersebut disuarakan berikutan Hospital Balik Pulau yang ada kini hanya mampu menampung 81 buah katil sahaja.

"Hospital tersebut (Hospital Balik Pulau) juga amat sesak dan tidak lagi mampu menampung keperluan rakyat terutama di Balik Pulau ini.

"Saya cadangkan supaya dibangunkan sebuah hospital baharu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan kepakaran.

"Saya juga telahpun berkongsi cadangan ini dengan Setiausaha Politik Menteri Kesihatan pada 7 Jun lalu, dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia berjanji akan mengadakan pertemuan untuk perbincangan lanjut berhubung perkara tersebut.

"(Dan) pastinya pertemuan tersebut akan dihadiri oleh Exco berwajib serta Pengarah Kesihatan Negeri," katanya kepada pemberita sejurus lawatan kerja ke Kompleks Pasar Awam Balik Pulau bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di sini 20 Jun lalu.

Serentak itu, Muhammad Bakhtiar turut memaklumkan bahawa beliau telahpun menyuarakan cadangan tersebut kepada Kon Yeow.

"Kerajaan Negeri mempunyai tanah seluas kira-kira 100 ekar di Pondok Upeh, Balik Pulau yang diperuntukkan untuk dibangunkan pusat pendidikan.

"Saya mencadangkan agar 30 ekar daripada keseluruhan tanah tersebut dibangunkan hospital berbanding keluasan Hospital Balik Pulau kini hanya sekitar 7.5 ekar sahaja (keluasan tanah)," ujarnya.

Tambah Muhammad Bakhtiar, hospital baharu tersebut akan mempunyai sekurang-kurangnya 200 katil termasuk pakar perubatan.

"Buat masa ini di Hospital Balik Pulau hanya ada pengamal perubatan biasa, jadi dengan adanya hospital baharu nanti jumlah katil akan bertambah.

"(Dan) Hospital Balik Pulau kini boleh diubah suai menjadi bangunan serba guna seperti muzium misalnya apabila hospital baharu siap dibina kelak.

"Lagipun bangunan itu (Hospital Balik Pulau kini) telah siap dibina pada tahun 1883," katanya yang menganggarkan kos pembinaan hospital baharu adalah bernilai RM300 juta.



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik.

# Sasar turun 10% rekod kematian akibat kemalangan jalan raya mencabar tanpa kerjasama semua pihak - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT TENGAH -** Angka kematian akibat kemalangan jalan raya sepanjang 2017 mencatatkan 401 kematian berbanding 411 kes pada tahun sebelumnya, dengan penurunan sebanyak 10 kematian.

Pun begitu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu, sasaran 10 peratus penurunan angka kematian akibat kemalangan jalan raya tiap-tiap tahun, yang disasarkan oleh Kerajaan Negeri melalui Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya adalah agak mencabar untuk dicapai jika tidak mendapat kerjasama semua pihak terutama para pengguna jalan raya sendiri.

"Walaupun sudah lima tahun kajian (Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya) ini dilaksanakan, kita (Kerajaan Negeri) ada perasaan macam ombak kerana satu tahun mencatatkan angka penurunan, walaupun tidak sampai 10 peratus, tapi selepas gembira sedikit, pada tahun berikutnya kadar kematian akibat kemalangan jalan raya mencatatkan lebih daripada 10 peratus.

"Ini, suatu cabaran bukan sahaja di Pulau Pinang, saya percaya di seluruh negara," jelasnya pada majlis Advokasi Khas Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Pulau Pinang Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri



**DR. Mohamad Farazi Johari (empat dari kiri) memakaikan topi keledar kepada salah seorang pembonceng cilik pada Advokasi Khas MKJR Pulau Pinang Sempena Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri di sini baru-baru ini.**

dekat perkarangan Plaza Tol Juru di sini 8 Jun lalu.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Timbalan Pengerusi MKJR Pulau Pinang, Dr. Mohamad Farazi Johari dan Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya Pulau Pinang, N.M. Thurkah Thevi antara pemimpin yang sertai majlis kempen keselamatan jalan raya itu.

Difahamkan, Kon Yeow ketika menjadi Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir pada tahun 2013 mula mewujudkan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya dengan sasaran pengurangan 10 peratus kes kematian akibat kemalangan tiap-tiap tahun, sebagaimana digariskan dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ketika itu, Kerajaan Negeri melantik sekumpulan ahli akademik daripada Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) Transkrian , Nibong Tebal yang diketuai Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah (kini Timbalan Naib Canselor Bahagian Akademik Dan Antarabangsa, USM), bagi menyiapkan pelan strategik itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow berharap Ops Selamat secara bersepadu membabitkan polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sempena musim perayaan kali ini dapat menyumbang kepada sasaran menurunkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya.

# Naik taraf sistem saliran Jalan Makloom demi kurangkan risiko banjir, selesa rakyat

**DATUK KERAMAT -** Projek penarafan sistem saliran sepanjang 100 meter (m) dilengkapi rumah pam dekat Jalan Makloom di sini menelan belanja kira-kira RM290,000.

Mengulas lanjut, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu, spesifikasi dalam projek penarafan tersebut antaranya adalah pelebaran parit berukuran 1m kepada 1.8m, dengan kedalaman 1.05m.

"Projek (yang menelan belanja RM290,874.60) ini bermula pada bulan April dan akan mengambil masa kira-kira enam bulan untuk disiapkan.

"Sebenarnya, di Datuk Keramat ini terdapat beberapa lagi projek mengurangkan risiko banjir akan dilaksanakan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat bersempena lawatan tapak pada 12 Jun lalu.

Sebelum itu, Jagdeep bersama-sama Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari serta Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer melawat sendiri projek penarafan sistem saliran dekat Jalan Makloom di sini.

Jagdeep menjelaskan, Datuk Keramat termasuk Jalan Makloom merupakan antara kawasan rendah yang sering kali dilanda banjir, apabila terjadinya pertembungan hujan lebat serta limpahan air dari Sungai Pinang.

"Sungai Jelutong merupakan salah satu daripada lembangan Sungai Pinang yang mana (Sungai Pinang) adalah punca utama (berlakunya limpahan air ke) beberapa tempat sekitar (Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN) Datuk Keramat," ujarnya.

Tambah Jagdeep, sekitar Jalan Perak seperti Jalan Kampung Masjid Hashim Yahya dan Kampung Dodol merupakan antara kawasan rendah yang sering kali dilanda bencana banjir.

"Masalah banjir di Kampung Masjid Yahya adalah Sungai Jelutong, sehingga tahun 2010, Kerajaan Negeri telahpun melebar dan memperdalam Sungai Jelutong sebagai sebahagian daripada projek tebatan banjir hingga risiko banjir berjaya dikurangkan dengan begitu ketara.

"Kini, di Jalan Makloom, sistem perparitan sedia ada tidak dapat menampung lambakan air kerana saiznya yang kecil...maka, saya merayu kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memperluas serta memperdalam longkang itu.

"Saya begitu gembira apabila diumumkan bahawa rayuan saya telah diluluskan, saiz longkang akan diperbesarkan dan akan dilengkapi pam air," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Zairil menyatakan bahawa kira-kira RM150 juta diperuntukan untuk pelaksanaan lapan projek tebatan banjir terutama di bahagian Seberang Perai serta di Daerah Barat Daya.

"Projek tebatan banjir di Mak Mandin yang bernilai RM40 juta adalah projek terbesar setakat ini, selain projek-projek tebatan banjir berskala kecil dan sederhana di negeri ini," jelasnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

Menurut beliau, sumber perbelanjaan bagi projek-projek tebatan banjir di negeri ini adalah daripada Tabung Caruman Perparitan yang disumbangkan oleh pemaju-pemaju swasta.

"Sebagai makluman, Kerajaan Persekutuan tidak lama lagi akan melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang, yang merupakan salah satu projek tebatan banjir berskala besar di Pulau Pinang," ujar Zairil.



**ZAIRIL Khir Johari (tengah), Jagdeep Singh Deo (depan sekali) dan R.S.N. Rayer pada lawatan projek penarafan sistem saliran dekat Jalan Makloom di sini baru-baru ini.**



# Kadar penolakan pinjaman perumahan tinggi, Exco syor kriteria kelayakan disemak semula

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo mahu Bank Negara Malaysia (BNM) menyemak semula kriteria kelayakan pinjaman perumahan khususnya bagi pembeli rumah pertama di negara ini.

Menurut beliau, isu kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi oleh bank-bank seluruh Malaysia bukanlah isu baharu, malah ia menimbulkan kegusaran dalam kalangan pemaju hartanah dan perumahan termasuk Kerajaan Negeri.

“Baru-baru ini saya menerima sepucuk surat daripada gabungan pemaju hartanah dan perumahan yang mahu supaya pihak Kementerian (Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT) dan BNM segera menangani permasalahan ini.

“(Dan) saya sendiri akan menulis sepucuk surat rasmi kepada Menteri berwajib, Yang Berhormat (YB) Zuraida Kamaruddin hari ini yang akan dikepilkan sekali surat yang saya terima daripada wakil gabungan pemaju hartanah dan perumahan.

“Surat ini (kepada Menteri KPKT) untuk mengukuhkan lagi pertemuan saya bersama-sama YB Zuraida yang diadakan pada 4 Jun baru-baru ini di Putrajaya.

"Malah, saya difahamkan YB Zuraida akan mengadakan pertemuan dengan Kementerian Kewangan dan BNM berkemungkinan besar selepas Aidilfitri bagi membincangkan isu berkaitan,” ujarnya pada sidang media di sini 21 Jun lalu.

Jelas Jagdeep, pihak KPKT memaklumkan akan mencari mekanisme terbaik bagi memastikan isu kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi dapat diselesaikan.

“Saya harap selepas ini kriteria kelayakan dapat dilonggarkan terutama bagi pembeli rumah pertama kategori kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik.

“Misalnya, memperkenalkan kadar faedah pinjaman (oleh bank) mengikut kategori dan bukannya seperti sekarang ini yang mana kadar faedah pinjaman adalah sama rata.... sama ada pembeli rumah pertama mahupun pembeli rumah banglo atau mewah,” katanya.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan keutamaan untuk menyediakan stok perumahan yang mencukupi.

“Usaha kita (Kerajaan Negeri) untuk mewujudkan stok perumahan yang mencukupi tidak akan berhasil apabila pembeli rumah pertama tidak dapat akses terhadap rumah-rumahnya yang disediakan.

“Di Bandar Cassia misalnya, Suria Fasa 1 telahpun siap dibina dan mempunyai milikan strata, hanya 80 peratus daripada 520 unit rumah mampu milik yang ada terjual, itupun setelah SPEC (Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan) memberikan 1,300 nama pembeli yang berpotensi.

“Jadi, isu ini menjelaskan bahawa kadar penolakan pinjaman sangat tinggi sebenarnya dan harus diselesaikan segera kerana ia bukan sahaja di Pulau Pinang, malah menjadi masalah seluruh negara.

"BNM dan REHDA (Pertubuhan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia) juga perlu duduk berbincang bersama-sama untuk melihat isu ini dengan lanjutnya memandangkan kenyataan terdahulu mereka sangat bercanggah,” gesanya yang merujuk salinan artikel dalam talian bertarikh 8 Mac 2017 dan 15 Julai 2017.

Terdahulu, gabungan pemaju hartanah dan perumahan hadir ke pejabat Jagdeep bagi menyerahkan sepucuk surat berhubung kekhuatiran pihak berkaitan terhadap kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi.

Mereka ialah, Ng Han Seong daripada REHDA Pulau Pinang; Raja Rizal Kamrul Abdullah (Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang); Datuk Finn Choong Khuat Seng (Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang); Datuk N. Gobalakrishnan (Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia Pulau Pinang) dan Micheal Geh Thuan Peng (FIABCI Malaysia).

## Galakan agenda pembangunan sosioekonomi rakyat melalui koperasi diteruskan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BERTAM -** Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berperanan membantu kerajaan dalam menangani isu kos sara hidup rakyat melalui pelbagai program sektor pemborongan dan peruncitan, kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan 'Pasar CO-OP' Pulau Pinang Sempena Hari Raya Aidilfitri di perkarangan Masjid At-Taqwa dekat Bertam Indah di sini anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama Koperasi At- Taqwa baru-baru ini.

"Dalam menangani isu kos sara hidup masyarakat, SKM negeri telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan 'Pasar CO-OP' Pulau Pinang yang menawarkan barangan berkualiti dengan harga lebih murah daripada pasaran di kawasan tumpuan secara peringkat.

"Diharapkan 'Pasar CO-OP' Pulau Pinang memperoleh sambutan menggalakkan daripada masyarakat setempat dan menjadi pendorong kepada lebih banyak koperasi untuk menyertainya pada masa hadapan, serta menjadi platform untuk masyarakat setempat membeli barangan keperluan mereka," jelasnya pada majlis berkaitan di sini.

Turut berucap, Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Pengarah SKM Pulau Pinang, Zakaria Mat Jusoh.

Mengulas lanjut, tambah Ahmad Zakiyuddin, SKM amat menggalakkan penubuhan koperasi dalam kalangan komuniti merangkumi ibu tunggal, belia, wanita, taman perumahan, rumah ibadat dan sebagainya.

Namun kata beliau, buat permulaan SKM Pulau Pinang memfokuskan kepada koperasi kariah masjid melalui program-program pemantapan koperasi kariah masjid di negeri ini.

“SKM serius dalam membangunkan koperasi kariah, maka dengan itu wujudnya Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Kariah Masjid sebagai panduan yang memberi fokus kepada pemantapan perniagaan, pemerkasaan tadbir urus dan pengukuhan sistem penyampaian.

“Sebenarnya, banyak aktiviti boleh dilaksanakan melalui koperasi kariah seperti semasa kelahiran, aqiqah, umrah, haji, pendidikan anak-anak, pusat jagaan warga emas, kedai runcit dan sebagainya,” ujarnya.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, pelbagai insentif telah diperkenalkan SKM bagi mendorong dan menggalakkan koperasi mengembangkan perniagaan termasuk pembiayaan mudah melalui Tabung Modal Pusingan (TMP), geran bantuan pembangunan koperasi, khidmat nasihat dan bimbingan serta program pendidikan dan latihan melalui Maktab Koperasi Malaysia (MKM).

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, kami sentiasa mengalu-alukan agenda pembangunan sosioekonomi rakyat melalui koperasi terutamanya koperasi kariah masjid, dan akan menyokong program-program koperasi yang dianjurkan SKM.

“Harapan saya agar program ini dapat memberi manfaat kepada koperasi-koperasi dan masyarakat setempat serta keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi seperti yang digariskan dalam Teras Strategik 4 Dasar Koperasi Negara 2011-2020,” jelasnya.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (berkopiah) beramah-mesra dengan para pengunjung Pasar CO-OP Pulau Pinang pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.



# Infrastruktur di Teluk Kumbar beri nilai tambah kehidupan masyarakat setempat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BAYAN LEPAS –** Peruntukan RM1.5 juta diperuntukkan pemaju swasta, *M Summit Group* bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan Teluk Kumbar wajar dimanfaatkan masyarakat tempatan.

Inisiatif pihak berkaitan mendapat pujian Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika hadir merasmikan majlis berkaitan baru-baru ini.

Jagdeep dalam ucapannya berkata, infrastruktur yang disediakan tersebut bukan sahaja meliputi aspek keselamatan, tetapi turut menambah nilai kepada kehidupan masyarakat setempat dengan adanya kompleks tapak penjaja yang menempatkan 11 gerai dan juga taman poket.

"Lampu isyarat dan lintasan pejalan kaki ini merupakan antara ciri keselamatan penting untuk pengguna di sini terutamanya ia berdekatan dengan kawasan sekolah, Puspakom dan beberapa projek perumahan yang sedang dibangunkan," ujarnya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di sini.

Hadir sama ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan Pengarah Urusan M Summit Group, Datuk Albert Moh.

Antara kemudahan infrastruktur yang disediakan pihak berkenaan, lampu isyarat baharu, lintasan pejalan kaki di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Yan Cheng, Kompleks Tapak Penjaja Matahari Naik, taman permainan kanak-kanak dan taman poket.

Dalam pada itu, Albert ketika ditemui berkata, beliau berharap kemudahan yang disediakan tersebut dapat memanfaatkan penduduk sekitar.

"Selain (kemudahan) taman poket yang memenuhi keperluan generasi tua dan muda, kompleks ini juga membolehkan penduduk sekitar mencari rezeki dengan menjual makanan di sini," jelasnya.



**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri), Albert Moh (tiga dari kanan) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri beramah-mesra dengan beberapa penduduk setempat yang menggunakan kemudahan yang disediakan di taman poket di sini baru-baru ini.**

# Kebakaran babit keluarga nelayan, Kerajaan Negeri usahakan rumah transit – Exco

**BATU MAUNG -** Kerajaan Negeri melalui Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin berjanji akan mencari penyelesaian secepat mungkin bagi membantu mangsa kebakaran pondok nelayan Seri Jerejak, Bayan Lepas di sini.

Katanya, buat masa kini, Kerajaan Negeri akan berusaha mendapatkan rumah transit untuk dihuni tiga keluarga dan seorang individu yang terjejas berikutan kejadian malang tersebut.

"Sekarang kita (Kerajaan Negeri) tengah uruskan rumah transit bagi mangsa terlibat, kita (Kerajaan Negeri) akan adakan satu mesyuarat antara Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Pejabat Tanah & Daerah Barat Daya untuk penempatan semula nelayan.

"Sehingga kini, Pen-Mutiara ada bagi bantuan RM1,300 kepada Unit Nelayan, LKIM pun ada bagi juga, Kerajaan Negeri akan beri termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk bantu nelayan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya ketika mengadakan lawatan ke lokasi kejadian baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perdagangan Dalam Negeri & Antarabangsa, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan yang juga ADUN Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain; Pegawai Daerah & Tanah Bagi Daerah Barat Daya, Zepri Saad dan Timbalan Ketua Unit Nelayan Seri Jerejak, Ashar Aziz.

Difahamkan kejadian malang pada 11 Jun lalu terjadi pada waktu tengah hari dan api merebak cepat berikutan angin kencang sehingga menjejaskan kira-kira 25 nelayan.



**DR. Afif Bahardin (depan, dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa, Ashar Aziz pada lawatannya di sini baru-baru ini.**




# Projek mitigasi banjir Sungai Dua bakal memasuki Fasa 2 – Exco

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**



(Barisan hadapan, dari kiri), A. Kumaresan, Zairil Khir Johari dan Sim Tze Tzin pada lawatan ke tapak projek jambatan *arch* di sini baru-baru ini.

**BATU UBAN** - Melalui peruntukan caruman perparitan bernilai RM5.2 juta, sebuah jambatan *arch* yang berfungsi sebagai projek mitigasi banjir merentangi Sungai Dua kini siap dibina.

Perkara tersebut diumumkan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari dalam satu lawatan tapak di sini 9 Jun lalu.

"Ini adalah projek Kerajaan Negeri melalui caruman perparitan di bawah agensi pelaksana iaitu JKR (Jabatan Kerja Raya) dan ia telah siap April lalu sebelum pilihan raya.

"Hari ini, kita jemput Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan penduduk untuk bagi penerangan.

"Dengan pelebaran *culvert*, diharap ia dapat mengurangkan impak kejadian banjir di sini dan ini cuma fasa pertama... kita ada fasa kedua merangkumi skop pendalaman dan pelebaran Sungai Dua, yang mana ia masih dalam proses kajian reka bentuk," ujarnya yang juga ADUN Tanjong Bunga.

Difahamkan, jambatan *arch* sepanjang 62 meter telah mula dinaik taraf pada Ogos 2015.

Menurut Zairil, untuk pembangunan fasa kedua berkaitan, dianggarkan kos adalah mencecah RM8.5 juta dan beliau bercadang untuk memohon dana daripada Kerajaan Persekutuan berikutan ianya adalah sebahagian daripada Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bayan Lepas.

"Kita bukan sekadar ingin melebar dan mendalamkan sungai, bahkan akan naik taraf sungai dengan membina struktur konkrit," jelasnya.

Dalam pada itu, Tze Tzin turut mengutarakan beberapa perkara yang kurang memuaskan terutamanya faktor kelewatan pihak kontraktor projek berkaitan.

"Malah, pihak kontraktor juga dikatakan tidak mesra dengan pihak berkepentingan dan mutu kerja yang kurang memuaskan.

"Diharap perkara-perkara berbangkit ini diselesaikan segera demi keselesaan dan keselamatan orang awam yang menggunakan laluan kawasan berhampiran," tegasnya.





• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang

Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Malam Retro Media tanda penghargaan, Terima Kasih!



SEBAHAGIAN pengamal media mengambil kesempatan bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri sejurus tamat penganjuran Malam Penghargaan dan Majlis Berbuka Puasa Bersama-sama YAB Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

**MALAM RETRO...** Telatah bersahaja dan spontan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow jelas mencuri tumpuan para pengamal media yang diraikan pada penganjuran Malam Penghargaan dan Majlis Berbuka Puasa Bersama-sama YAB Ketua Menteri di sini 6 Jun lalu.

Paling mencuri tumpuan adalah apabila Kon Yeow memasuki dewan utama sambil menyanyi lagu klasik '*Long Ban Long Lau*' diikuti dengan sorakan gemuruh lebih 200 pengamal media dan barisan Exco Kerajaan Negeri.

"Hari ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada anda semua (pengamal media) yang sangat berdedikasi dalam menjalankan tugas semasa Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lalu.

"Terima kasih di atas liputan dan sokongan yang anda berikan kepada kami (Pakatan Harapan)... saya berharap agar anda semua bergembira pada malam ini," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Majlis bertemakan '*Retro Nite*' itu turut diserikan dengan pelbagai acara permainan yang menghiburkan dan ternyata berjaya menggamatkan lagi suasana penganjuran.

Sebanyak 25 hadiah cabutan bertuah ditawarkan termasuk hadiah utama berupa Ipad, televisyen LCD, pakej penginapan, barangan elektrik, hamper dan lain-lain lagi.



# Kon Yeow nyata sokongan terhadap langkah pentadbiran PM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pentadbirannya akan terus menyokong langkah-langkah Kerajaan Persekutuan dalam memulihkan kembali ekonomi negara.

"(Saya) ingin menyuarakan sokongan penuh pihak Kerajaan Negeri terhadap tindakan-tindakan yang diambil oleh pimpinan Kerajaan Persekutuan selepas Pilihan Raya (Umum Ke-14, PRU14) lepas, (Perdana Menteri) Tun Dr. Mahathir (Mohamad) telah mengambil beberapa keputusan untuk menyelamatkan Malaysia.

"Walaupun ada pelbagai cabaran yang harus diselesaikan oleh pentadbiran (Persekutuan) baru, khususnya hutang negara mencecah RM1 trilion, sebagai rakyat yang cintakan Malaysia, kita yakin dengan kabinet Malaysia diketuai Y.A.B. Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam memimpin serta menyelesaikan segala masalah 'ditinggalkan' Kerajaan Persekutuan terdahulu.

"Seperti yang diperkatakan sebelum ini, sumbangan (kepada Tabung Harapan Malaysia) ini memang tidak boleh membereskan hutang negara, tetapi ini adalah peluang untuk rakyat menunjukkan semangat cintakan negara," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong dalam sidang media di sini 12 Jun lalu.

Menurut Kon Yeow, sehingga 3 petang 11 Jun 2018, Tabung Harapan Malaysia mengumpul RM56,662,086.58, iaitu dalam tempoh 13 hari sejak ditubuhkan oleh Dr. Mahathir sendiri pada 30 Mei lalu.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengisytiharkan sokongan teguh kepada usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan sejak 9 Mei 2018, antaranya termasuk:

- Kadar GST ditetapkan pada kadar sifar mulai 1 Jun 2018 dan digantikan dengan SST yang hanya akan berkuat kuasa pada bulan September.
- Menstabilkan harga petrol.
- Anggota kabinet dan pegawai kanan kerajaan potong gaji 10 peratus.
- Penubuhan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi.
- Menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan *(Council of Eminent Persons)* yang berperanan untuk menasihati Kerajaan berhubung hal ehwal ekonomi dan kewangan negara semasa tempoh peralihan mengikut kepakaran masing-masing.
- Memulakan Penyiasatan semula terhadap Skandal 1MDB.
- Membatal atau mengkaji semula Projek-projek mega seperti HSR.
- Tiada lagi 'Kopi Lesen' untuk ujian lesen memandu.
- Perdana Menteri, Menteri dan Ketua Institusi perlu isytihar harta.
- Hanya menerima 'hadiah' berupa bunga, makanan serta buah-buahan menerusi pelaksanaan dasar pemberian hadiah dan derma.
- Perdana Menteri tidak boleh memegang portfolio lain dalam Kabinet.
- Meneruskan Pemberian BR1M dengan dijenamakan sebagai "Bantuan Sara Hidup Rakyat'.
- Pelepasan sekatan ke luar negara terhadap peminjam PTPTN yang berpendapatan kurang daripada RM4,000.
- Dasar monopoli ke atas pengimportan beras oleh syarikat Padi, Beras Nasional Bhd. (Bernas) dihapuskan.
- Membubarkan SPAD, JASA, MPN dan JKKKP.

"Kami akan terus berusaha supaya tidak mengecewakan rakyat yang memilih Pakatan Harapan di PRU-14, mahupun di peringkat negara atau negeri," tegas Kon Yeow.



## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Kumar a/l Kanapathy | 012 - 548 2465<br>019 - 658 2465 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 461 6390 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elemperu Valuthi | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556<br>018 - 467 0037 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | Nakulan A/L Muthumanikam | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 010 - 462 0073 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Julai 2018




7hb Julai 2018
***Sambutan Hari Warisan Dunia UNESCO***


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI,
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD, DARWINA MOHD. DAUD,
ALVIE CHENG, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS,
CHAN KOK KUAN

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Rangka pelbagai strategi demi perkasakan belia & sukan Negeri – Lip Chee

**SELEPAS** berjaya membawa kepelbagaian pembangunan di Jawi ketika berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan berkaitan, kali ini Soon Lip Chee dilihat berdepan cabaran baru apabila dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) bagi portfolio belia dan sukan.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** baru-baru ini berkesempatan menemui Exco muda berkaitan bagi mendapatkan maklumat berhubung kesediaan beliau untuk melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya kini.

Tanpa membuang masa, selepas dua minggu pelantikan, Lip Chee memulakan tugas dengan mengadakan pertemuan dengan persatuan-persatuan sukan antaranya taekwondo, badminton, hoki dan juga Jabatan Belia dan Sukan (JBS).

"Kita perlu sediakan satu peruntukan yang besar kepada para belia kerana mereka adalah tonggak masa depan negara kita.

"Anak muda sekarang juga perlu diberi harapan dan peluang," ujarnya memulakan bicara.

## Perancangan belia

Lip Chee berpendapat, tumpuan khusus perlu diberikan kepada keperluan semasa golongan belia yang menjurus kepada kemahiran tambahan serta menguruskan perniagaan.

"Masih ada dalam kalangan belia kita hari ini hendak mengarang *resume* pun mereka tak tahu. Jadi, perkara-perkara asas seperti ini juga perlu diberikan penekanan.

"Kemahiran tambahan yang boleh didedahkan kepada mereka adalah ilmu tentang pidato dan juruacara yang mampu melatih golongan belia menjadi lebih berani selain boleh digunakan sebagai pekerjaan separuh masa.

"Fokus seterusnya adalah berkaitan kemahiran untuk pelajar-pelajar yang keciciran dan tidak berminat dalam pelajaran, dan usaha ini memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri.

"Sebagai contoh, selepas tamat peperiksaan UPSR (Ujian Penilaian Sekolah Rendah), PT3 (Pentaksiran Tingkatan 3) atau SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) dan tidak berminat lagi untuk menyambung pelajaran, maka platform baharu perlu disediakan untuk mereka.

"Saya juga menyambut baik langkah sesetengah syarikat yang sanggup mengajar dan berani menggaji individu-individu seperti ini," katanya yang pernah berkhidmat sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

## Keusahawanan

Selain itu, kata Lip Chee, Kerajaan Negeri juga akan menggalakkan golongan belia untuk menyertai bidang keusahawanan melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC).

"Sejak tahun lalu, PYDC memperkenalkan program Usahawan Pinang yang mana melalui program ini, usahawan-usahawan muda dibimbing serta disediakan platform untuk memudahkan mereka menjalankan perniagaan.

"Sambutan yang diterima adalah amat menggalakkan apabila semakin ramai usahawan belia memulakan perniagaan seperti menjual makanan dan minuman, pakaian baru dan terpakai, aksesori, barangan kosmetik serta bermacam-macam lagi.

"Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa belia Pulau Pinang mempunyai bakat dalam bidang keusahawanan," ujarnya yang kini merupakan Ahli Dewan Undanga Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

## Pembangunan sukan

Seperti diketahui umum, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) merupakan badan induk bagi pembangunan sukan di negeri ini.

Walau bagaimanapun kata Lip Chee, Kerajaan Negeri kini boleh mengadakan kerjasama baik dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memandangkan kedua-dua Kerajaan Negeri dan Pusat hari ini telah selari selepas kemenangan Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) 9 Mei lalu.

"MSNPP perlu terus memainkan peranan penting sebagai pencari bakat dan pelapis muda bagi setiap persatuan sukan yang bernaung di bawahnya.

"Saya ambil maklum, walaupun Pulau Pinang bukanlah sebuah negeri yang besar, tetapi kita berjaya lahirkan ramai atlet kebangsaan.

"Namun, kita juga perlu giatkan lagi usaha ini kerana kita dapat lihat selepas (Dato') Lee Chong Wei dan (Dato') Nicol David, legasi mereka seolah-olah belum ditemui," jelasnya yang berpendapat bahawa filem Ola-Bola wajar dijadikan naskah kepada atlet untuk bersaing demi negara tanpa memikirkan ganjaran yang tinggi.

Lip Chee dalam pada itu bercadang untuk mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam masa terdekat bagi membincangkan isu fasiliti dan kemudahan bagi para atlet.

Jelasnya, tidak dapat dinafikan bahawa fasiliti merupakan pembangunan kedua terpenting selepas atlet yang mampu membangkitkan prestasi dan motivasi para atlet untuk berlatih dengan lebih gigih.

"Saya harap kerjasama yang kita jalinkan bersama KBS nanti mampu meningkatkan lagi pencapaian atlet-atlet Pulau Pinang untuk beberapa tahun akan datang.

"Selain itu, saya juga berhasrat untuk membangunkan sukan-sukan 'kurang panas' seperti ping pong, bola tampar dan lain-lain yang mungkin mampu menjadi prospek pingat serta melahirkan atlet bertaraf dunia," katanya.



SOON Lip Chee.

Menutup bicara, Lip Chee turut membayangkan untuk mengadakan pertemuan sekali lagi dengan persatuan-persatuan sukan di Pulau Pinang dalam memudahkan kerangka kerja beliau dalam aspek belia dan sukan.

Terdahulu, Lip Chee turut mengadakan lawatan kerja ke Kuala Lumpur untuk menemui pemain-pemain badminton kelahiran Pulau Pinang yang bernaung di bawah Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Berdasarkan rakaman video yang dimuat naik di laman Facebook MSNPP, Lip Chee turut menyuarakan hasrat untuk membawa bakat-bakat muda sukan badminton di Pulau Pinang untuk menjalani latihan pendek di BAM.

"Langkah itu adalah bagi meningkatkan prestasi pemain di samping mendalami pengorbanan atlet-atlet senior dalam usaha menempatkan diri sebagai pemain skuad kebangsaan," ulasnya lanjut.

# Projek pertama PR1MA di Pulau Pinang bakal memulakan kerja – Exco

**SERI DELIMA –** Pembangunan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) kini bakal menjadi realiti di Pulau Pinang apabila projek tersebut bakal memulakan kerja-kerja tapak fasa satu penghujung tahun ini.

Perkara tersebut dimaklumkan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo apabila buat julung kalinya melakukan pemeriksaan tapak dekat Kampung Kastam, Gelugor di sini 20 Jun lalu.

Katanya, memandangkan kini Pakatan Harapan adalah kerajaan di peringkat Persekutuan, maka beliau akan memulakan pemantauan ke atas projek PR1MA di negeri ini.

"Kita (Pulau Pinang) telah menunggu projek (PR1MA) ini sekian lama iaitu hampir enam tahun, walaupun ada ura-ura akan dibina dan sebanyak tiga projek telah diluluskan, tetapi sehingga kini satu pun belum didirikan.



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) ketika membuat lawatan ke Kampung Kastam di sini baru-baru ini.

"Tapi kini, saya tak mahu projek ini tergendala lagi, maka secara spesifiknya saya akan memulakan pemantauan dan pemeriksaan berkala agar ia tidak lagi mengalami kelewatan, siap mengikut masa dan berjaya didirikan di sini (Pulau Pinang)," ujarnya sambil memaklumkan bahawa beliau telah mendapat kebenaran daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin untuk melakukan pemantauan.

Hadir sama pada lawatan berkaitan, Pemangku Pengarah Jabatan Perancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Zuraini Mat Rasit dan Pengerusi Eksekutif Ideal Property Group, Tan Sri Alex Ooi yang juga merupakan syarikat pemaju dilantik untuk membangunkan projek berkenaan.

Difahamkan, pembangunan Fasa Satu PR1MA Kampung Kastam berkenaan merangkumi 905 unit rumah mampu milik (RMM) dan 257 unit (kos sederhana rendah) serta dilengkapi dengan kemudahan fasiliti seperti gelanggang futsal, gim, dewan serba guna, surau dan sebagainya.

Menurut Jagdeep, tiga projek PR1MA yang telah diluluskan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sebelum ini adalah membabitkan satu projek di Batu Ferringhi dan Kampung Kastam (dua projek).

"Bagi kawasan Batu Ferringhi, sebanyak 1,247 unit rumah mampu milik (RMM) akan dibangunkan, manakala Kampung Kastam (1,823 unit), yang menjadikan jumlah keseluruhan PR1MA yang dipohon untuk didirikan ketika itu adalah berjumlah 3,071 unit.

"Justeru, kini kita (Kerajaan Negeri) ingin fokus kepada pembangunan unit PR1MA dan bukannya masa untuk menuding jari, sebaliknya bekerjasama dengan Barisan Nasional (BN) agar bersama-sama membangunkan apa yang telah mereka janjikan menjadi realiti.

"Kita perlu menukar cara pemikiran, bukan lagi masa bertekak, sebaliknya kerja bersama-sama bagi mencapai apa yang telah lama ditinggalkan dan tergendala," tegasnya.

Mengulas lanjut berhubung perjumpaan beliau dengan Zuraida, Jagdeep menyatakan bahawa kementerian berkenaan berjanji untuk memudah cara dan menghimpunkan semua projek perumahan di peringkat Persekutuan di bawah satu agensi agar lebih mudah dipantau dan dilaksanakan.

"Ketika zaman BN dahulu, setiap projek dikendalikan kementerian berbeza, contohnya seperti PR1MA bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Perumahan sebaliknya di bawah Jabatan Perdana Menteri," ulas beliau.

# Usia muda satu kelebihan untuk kerja lebih gigih – Satees

**DILAHIRKAN** dalam sebuah keluarga biasa yang mana ibu dan bapa beliau hanya bekerja sebagai penoreh getah di sebuah ladang di Perak.

Namun, perkara itu tidak menghalang M. Satees, 33, untuk mempunyai impian besar sehingga berjaya menjadi salah seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Pulau Pinang.

## Pendidikan dan penglibatan dalam politik

Selepas menamatkan pelajaran peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Inderawasih, beliau kemudian melanjutkan pelajaran Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di SMK Tinggi Bukit Mertajam dan SMK Seberang Jaya.

Satees memulakan kerjaya sebagai pegawai kewangan di Citibank dan pada masa sama menyambung pelajaran dalam jurusan undang-undang.

Kemudian, sekitar tahun 2007, berlaku gelombang kebangkitan dalam kalangan masyarakat India mengenai politik membuatkan beliau mengambil keputusan meninggalkan kerjaya dan menyertai kempen pilihan raya secara serius di Perai sehingga memberi kemenangan kepada calon pada masa itu iaitu Prof. Dr. P. Ramasamy.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) 9 Mei lalu, beliau dipilih sebagai calon bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Dalam mewakili Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan berjaya memenangi kerusi berkenaan selepas memperoleh undi majoriti sebanyak 6,783 undi.

Kerusi Bagan Dalam sebelum ini disandang A. Tanasekharan juga daripada parti DAP yang memilih untuk tidak bertanding pada PRU14 lalu.

## Cabaran dan permasalahan

Menurut Satees, cabaran utama dihadapi beliau adalah dalam menyelesaikan masalah yang sering membelenggu penduduk di sekitar Bagan Dalam terutamanya dilema banjir kilat berpunca daripada sistem perparitan lama.

Malah katanya, di kawasan kampung seperti di Lorong Kubur, Sungai Nyior, Hujung Batu, Kampung Perlis dan banyak lagi masih menggunakan sistem perparitan usang yang tidak dinaik taraf sejak sekian lama.

"Bukan sahaja di kawasan kampung, malah terdapat juga kawasan taman yang mula mengalami banjir kilat tetapi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang telah mengambil tindakan pantas dengan melancarkan kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dengan kos RM40 juta.

"Saya rasa dalam masa dua tahun lagi masalah banjir kilat dalam taman perumahan seperti di Taman Bagan boleh diatasi sepenuhnya.

"Tapi bagi kawasan kampung masih banyak cabaran yang saya perlu hadapi dalam soal ini," katanya ketika ditemui wakil Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** baru-baru ini.

Walau bagaimanapun Satees memberitahu, sebagai wakil rakyat, beliau telah mengenal pasti beberapa langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah berkenaan.

"Saya telah merangka beberapa rancangan



M. Satees.

untuk menaik taraf longkang-longkang di kampung yang berdepan masalah banjir kilat menggunakan peruntukan ADUN demi keselamatan penduduk.

"Ketika ini, saya sedang berbincang dengan kontraktor-kontraktor kecil di sini supaya mereka lebih komited untuk menyelesaikan masalah banjir di dalam kawasan kampung ini," ujarnya yang pernah dipilih sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak tahun 2013 sehingga April lepas.

Selain itu tambah Satees, soal kebersihan juga sering mengganggu penduduk-penduduk di kawasan Bagan Dalam akibat daripada sistem perparitan yang tidak dinaik taraf.

"Lebih merisaukan adalah persekitaran kotor dan tidak terjaga ini membawa kepada merebaknya pelbagai wabak penyakit seperti denggi, influenza dan lain-lain.

"Lebih membimbangkan, terdapat juga rumah-rumah di kawasan kampung di sini dihuni oleh warga asing tanpa izin terutama dari Myanmar dan Bangladesh.

"Ini menyebabkan pihak berkuasa sukar untuk mengawal terutama dari segi kebersihan. Namun, saya yakin masalah ini akan selesai selepas Kerajaan Negeri dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) membangunkan projek perumahan di kawasan ini tidak lama lagi," jelasnya yakin.

Mengulas lanjut, Satees menyatakan bahawa masih ramai penduduk di kawasan Bagan Dalam yang lahir di Malaysia terutama masyarakat India berdepan dengan masalah status kewarganegaraan.

"Sebagai anak kepada seorang ibu yang memegang kad pengenalan berwarna merah, saya amat faham kesusahan mereka yang mengalami nasib seperti ini.

"Banyak kesukaran dihadapi ibu saya hanya kerana beliau memegang kad pengenalan berwarna merah, tapi syukur sekarang dia sudah mendapat kad pengenalan berwarna biru.

"Oleh itu, saya akan berusaha untuk membantu mereka yang senasib dengan ibu saya agar pihak-pihak berkaitan juga mendapat hak kewarganegaraan kerana mereka juga adalah rakyat Malaysia," katanya.

## Sembilan tawaran utama manifesto

Pada masa sama kata Satees, beliau juga harus memberi fokus kepada sembilan tawaran di dalam manifesto PRU lepas terutama dalam usaha menghidupkan kembali bandar Butterworth.

"Butterworth merupakan bandar lama dan antara yang tertua di bahagian utara, tetapi ia hampir jadi bandar mati pada 20 hingga 30 tahun dahulu walaupun di sini banyak tersimpan sejarah kerana tiada perancangan daripada kerajaan terdahulu untuk memajukan kawasan ini.

"Namun, sejak Pakatan harapan ambil alih pentadbiran negeri banyak perubahan berlaku, seperti sekarang ini kita ada '*Art Walk*' yang mampu menghidupkan kembali bandar Butterworth.

"Oleh itu, rancangan saya adalah saya mahu menjadikan Butterworth sebagai bandar dengan banyak tarikan yang mampu menarik pelancong sama ada dari dalam dan luar negeri dengan mengadakan lebih banyak aktiviti seperti aktiviti malam," ujarnya sambil menzahirkan ucapan penghargaan kepada MPSP di atas penganjuran pelbagai program menarik di Butterworth.

Selain itu tambah Satees, beliau juga akan memberi penekanan terhadap usaha untuk membangunkan kemudahan sukan dan rekreasi serta menaik taraf infrastruktur yang ada di Butterworth.

"Di Butterworth, kita sudah ada banyak gelanggang tenis dan gelanggang bola keranjang, jadi saya akan membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk jadikan gelanggang-gelanggang ini sebagai gelanggang berbumbung agar lebih banyak aktiviti boleh dijalankan," jelasnya.

Beberapa lagi tawaran dalam manifesto Bagan Dalam ialah menganjurkan kelas coding dan robotik secara percuma; program pembangunan belia; membantu pusat-pusat ibadah mendapatkan bantuan Kerajaan Negeri; meningkatkan ekonomi masyarakat setempat; mewujudkan kawasan '*Little India*' di Butterworth dan memperkasakan institusi pendidikan.

"Saya yakin manifesto ini akan dicapai dalam tempoh lima tahun kerana tiga daripada manifesto ini sedang dalam pelaksanaan dan akan dicapai dalam masa satu tahun," tegasnya.

Ketika ditanya apakah faktor usia beliau yang masih muda akan menjadi cabaran untuk berdepan penduduk di kawasan diwakilinya, Satees menjelaskan bahawa soal usia bukanlah suatu masalah baginya.

"Malah bagi saya, usia yang masih muda merupakan satu kelebihan kerana saya mampu bekerja lebih gigih lagi untuk membantu penduduk.

"Tambahan pula, penduduk di sini memang menunjukkan sokongan yang padu sejak dari mula saya berkempen," katanya.

Justeru, Satees menyeru kepada penduduk di Bagan Dalam untuk terus bekerjsama sebagai satu pasukan bagi merealisasikan segala perancangan yang dibuat.

"Saya harap penduduk Bagan Dalam dapat memberikan sokongan kepada usaha-uasaha ini kerana kerjasama rakyat adalah amat penting dalam apa jua yang kerajaan laksanakan," ujar beliau.

# GTF 2018, JOM!

**GEORGE TOWN -** Festival George Town 2018 (GTF 2018) kembali untuk tahun kesembilan dengan pelbagai acara antarabangsa dan tempatan, mulai 4 Ogos hingga 2 September ini.

"Saya ingin merakamkan penghargaan kepada kurator (GTF 2018) Joe Sidek atas penganjuran festival antarabangsa dalam beberapa tahun ini, dan kali ini dengan pelbagai lagi acara menarik.

"Saya harap dengan pengalaman Pulau Pinang ini, dapat mengambil pelbagai lagi peluang daripada festival antarabangsa yang menghimpunkan pelbagai acara dari seluruh dunia," jelas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam sidang promosi festival tahunan negeri di sini baru-baru ini.

Selain Joe Sidek, Exco Pembangunan Pelancongan dan Warisan, Kebudayaan & Kesenian, Yeoh Soon Hin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong dan anggota jawatankuasa festival tersebut turut sertai sidang media itu.

Joe Sidek memberitahu bahawa pihaknya amat teruja untuk mempersembahkan program penuh GTF yang akan memaparkan pertunjukan-pertunjukan besar tarian, teater dan juga pameran fotografi serta seni, bengkel, pertunjukkan muzik, forum perbincangan, festival filem dan lain-lain lagi.

"Kami berhasrat memberikan pengalaman yang penuh bermakna dalam George Town ini, sememangnya selama sembilan tahun, saya telah mengharungi satu perjalanan yang sangat teruja dengan dapat melihat sendiri perkembangan festival dalam kalangan komuniti tempatan dan juga di persada dunia," jelasnya sebelum membentangkan satu-persatu acara pertunjukan yang dijadualkan dalam GTF 2018 nanti.

Joe Sidek dalam pada itu turut merakamkan penghargaan atas kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Akademi Seni Suara dan Warisan Negara (ASWARA), selain penaja-penaja seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), *Penang Global Tourism* (PGT) dan *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI).

Difahamkan, GTF 2018 menyediakan 150 acara iaitu 103 bersifat tempatan dan 47 lagi adalah bersifat antarabangsa. Ada 114 acara dalam festival berkaitan adalah percuma.

Kebanyakan tiket pertunjukan di dalam Dewan Sri Pinang boleh didapati melalui *Redtix*, manakala program-program lain adalah tertera dalam platform tiket POP Events (*http://grabapop.my/*).

Info lanjut, hubungi 04 – 261 6308 atau emel, *natasha@georgetownfestival.com*.

# "Mengekalkan & Menarik Kaum Wanita Dalam Tenaga Kerja" - Forum Hari Pekerja

**PWDC** telah menganjurkan forum "Mengekalkan & Menarik Kaum Wanita Dalam Tenaga Kerja" sempena Hari Pekerja di Auditorium F, Komtar pada 30 April 2018. Forum tersebut telah menarik kira-kira 60 peserta daripada sektor awam, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, badan-badan sosial dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Forum tersebut telah dirasmikan oleh YB Chong Eng, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Komuniti merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah PWDC.

"Kaum wanita menghadapi banyak cabaran di tempat kerja seperti diskriminasi dalam pembayaran gaji dan kenaikan pangkat" tegas YB Chong Eng dalam ucapan pembukaan beliau. Seterusnya, beliau merujuk angka-angka terbaru yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan kadar penglibatan guna tenaga kaum wanita pada 54.7% pada tahun 2017. Ini jelas mununjukkan terdapat potensi besar daripada kaum wanita yang menjadi suri rumah tangga. Di Malaysia, penglibatan kaum wanita dalam alam pekerjaan memuncak pada umur antara 25 hingga 29 tahun yang juga merupakan tempoh umur untuk beranak. Sebilangan besar pekerja wanita di negara kita akan meninggalkan kerja mereka untuk memulakan keluarga dan seterusnya tidak kembali bekerja. Hal ini tidak seperti di negara Jepun dan Korea



PARA peserta forum merakamkan gambar kenangan sejurus selepas tamat program baru-baru ini.

Selatan kerana mereka akan kembali bekerja walaupun mereka menjangkau usia 40 tahun setelah anak-anak mereka telah besar. Mereka akan terus memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara mereka. Oleh itu, pihak berkepentingan perlu memberi fokus untuk mengekalkan tenaga kerja kaum wanita untuk mengatasi masalah tahap rendah penglibatan guna tenaga kaum wanita. Untuk mencapai tujuan ini, pihak kerajaan perlu menghasilkan satu kerangka yang jelas untuk mengekalkan kaum wanita dalam tenaga kerja. Antaranya menyediakan waktu kerja yang fleksibel dan tempoh cuti bersalin yang panjang serta menyediakan perkhidmatan pusat jagaan kanak-kanak yang mampu oleh mereka.

Menurut YB Chong Eng, pengeluaran akan meningkat dengan pertambahan tenaga kerja. Oleh itu, dengan pertambahan tenaga kerja kaum wanita di tempat kerja secara tidak lansung akan menambahkan pendapatan isi keluarga. Peningkatan pendapatan isi keluarga pula akan menambahkan terhadap permintaan barangan dan perkhidmatan yang akan merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara. Untuk menyediakan suasana kerja yang kondusif umtuk kaum wanita, perubahan dasar dan struktur organisasi perlu dilaksanakan. Antaranya ialah undang-undang gangguan seksual, dasar gaji dan kenaikan pangkat, waktu kerja yang fleksibel, menyediakan kemudahan-kemudahan untuk para pekerja wanita untuk menarik lebih banyak kaum wanita kekal dan kembali bekerja.

Forum pada petang itu, memperlihatkan penyampaian dan penglibatan yang menarik dan positif daripada empat perwakilan daripada sektor swasta dan awam - Dr Florance Sinniah, Pengerusi Befrienders Pulau Pinang dan Ahli Lembaga Pengarah PWDC, Pn Revathi Ramachandran, Penyelaras WABA, Hajjah Rosnani bte Haji Mahmod daripada MPSP, dan Pn Den Chiew Fong daripada Kumpulan Esquel. Pemudah cara sesi itu telah digalaskan olen Pn Ong Bee Leng, CEO PWDC. Perbincangan mereka berkisar tentang dasar-dasar organisasi, struktur, amalan dan persekitaran berkaitan tenaga kerja wanita. Setiap ahli panel telah berkongsi pengalaman mereka dalam organisasi masing-masing dalam usaha mereka memelihara dan meningkatkan kebajikan para pekerja wanita serta penglibatan mereka untuk memajukan kerjaya mereka.



SEBAHAGIAN panelis yang mengambil bahagian.

## Bengkel Eko-Kraf Komuniti di Desa Wawasan

**PROGRAM** Pemerkasaan Ekonomi Wanita di bawah PWDC telah mengadakan satu siri bengkel kraf tangan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan, Bukit Mertajam sejak bulan April tahun ini. Objektif bengkel ini adalah untuk melatih penghuni yang berminat dalam penghasilan kraf tangan daripada bahan-bahan kitar semula sebagai satu sumber punca pendapatan tambahan. Projek bengkel eko-kraf komuniti ini merupakan satu initiatif PWDC untuk memperdayakan kaum wanita dalam kegiatan ekonomi di kawasan sasaran.

Pada 18 Mac sempena Hari Wanita Sedunia 2018, PWDC telah menganjurkan satu bengkel pendedahan penghasilan kraf tangan untuk para penghuni Desa Wawasan. Bengkel tersebut telah menerima sambutan yang menggalakan daripada komuniti apabila lebih daripada 100 orang penghuni turut serta. Peserta telah ditunjukkan bagaimana kraf tangan dibuat dengan menggunakan bahan-bahan bungkusan dan kertas surat khabar. Hasil kraf tangan ini mudah dipasarkan dan boleh dijual di kedai-kedai kraf tangan tempatan, pasar ria kraf dan seni, dan melalui platform perniagaan atas talian.

PWDC telah menerima sokongan kuat daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam menyediakan para jurulatih untuk bengkel demonstrasi eko-kraf pada 18 Mac dan juga bengkel latihan pertama pada 21 April 2018. Sejumlah 14 peserta wanita telah menghadiri bengkel pertama yang dibahagikan kepada dua kumpulan – kumpulan kraf kertas dan kumpulan kraf bungkusan salut timah. Para peserta diajar bagaimana menghasilkan bahagian-bahagian untuk produk tahap pertama. Untuk kraf kertas, mereka belajar bagaimana untuk menggulung kertas sehingga menjadi batang lidi untuk pengumpulan terakhir. Kumpulan kraf bungkusan salut timah pula belajar bagaimana untuk memotong, melipat dan mengumpulkan bahagian-bahagiannya mengikut saiz yang betul dengan menggunakan acuan yang disediakan oleh jurulatih.



CHONG Eng (kiri sekali) bergambar bersama-sama para peserta bengkel di sini baru-baru ini.



AKTIVITI bengkel yang berlangsung.

Selepas 4 bengkel, dua orang peserta kumpulan bungkusan salut timah berjaya menyiapkan satu beg masing-masing sementara seorang peserta baharu kumpulan kraf kertas berjaya menyiapkan satu bakul pada akhir kelas.

Sebagai permulaan untuk memasarkan hasil mereka, PWDC telah menempah 30 buah bakul untuk bengkel e-dagang pada bulan Julai dengan tujuan memperkenalkan produk-produk yang telah dihasilkan kepada para peserta bengkel e-dagang. Ini adalah agar para peserta bengkel e-dagang dapat membantu memasarkan produk-produk tersebut atas talian. Tempahan juga diterima daripada jiran-jiran dan kawan-kawan peserta eko-kraf komuniti. PWDC merancang mengembangkan permintaan produk-produk tersebut dengan menempah 440 beg dan bakul untuk Persidangan Wanita dalam Ekonomi yang bakal diadakan pada bulan September 2018. Pemasaran produk-produk ini boleh tercapai dengan menyasarkan segmen pasaran tertentu melalui media sosial dan platform dagangan atas talian.

RUMAH PANGSA SEDERHANA
HAK MILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera

*Menikmati Kehijauan Alam Semulajadi Di Kediaman Anda.*



FORESTVILLE
Where the Dream is Within Your Reach
di Bayan Lepas, Pulau Pinang

1,000 & 1,050 kaki persegi Jumlah Unit : 991
Harga dari RM420,000 (Min) sehingga RM454,000 (Max)

PELAN LOKASI




Sebarang pertanyaan, hubungi kami di **04-6456 888**

• Pemaju : I-Global Property Network Sdn. Bhd. (823002-W) • Pejabat Jualan : 71, Ideal @The One, Jalan Mahsuri, 11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang. • No. Telefon : 604-6456 888 • No. Faks : 604-6457 888 • No. Lesen Pemaju: 13919-1/05-2018/01407(L) • Tempoh Sah Lesen : 24/05/17-23/05/18 • No. Permit Iklan : 13919-1/05-2018/01407(P) • Tempoh Sah Permit : 24/05/17-23/05/18 • Pegangan : Kekal • Bebanan : Tiada • Tarikh Projek Dijangka Siap : Oktober 2020 • Pihak Berkuasa Meluluskan : Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Kelulusan Pihak Berkuasa : JPB/KM/5570/A • No. Kelulusan Pelan Bangunan : MPPP/OSC/PB8582/16(LB) & MPPP/OSC/PB9507/17(LB)

*Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :*
*Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri*
*Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang*
*Tel : 04-6505 242 Fax : 04-2622 904*


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11381
Peminjam : NIZAHA BINTI ABU HASSAN - 78081507****
24 LORONG SIAKAP 2, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : KHIRUL ANNUAR BIN SHAMSUDIN - 61080902****
20 TINGKAT PAUH JAYA 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : ROSNADA BINTI ABU HASSAN - 61081707****
20 TINGKAT PAUH JAYA 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11386
Peminjam : NAEKASHRI A/P JOTHI - 87042935****
22-2-8 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NEESHA A/P JOTHI - 86012935****
22-2-8 EASTERN COURT, LORONG HIJAU 8, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAMLI BIN HUSIN – (MENINGGAL DUNIA)
A4-15 FLAT KAMPUNG MELAYU, 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 11390
Peminjam : AWATIF BINTI ISMAIL - 83090907****
4500 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ZUL SUHAILI BIN MD HUSAIN - 83083102****
NO. 4500 BAKAU TUA, 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : ISMAIL BIN OMAR - 64070207****
SEBELAH 4814 BAKAU TUA 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 11398
Peminjam : MASWANI BINTI ABDUL MANAP - 80070807****
96 MUKIM G PERMATANG TENGAH, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MASRAH BINTI ABDUL MANAP - 79050306****
1-04-06 TAMAN VANILA, TINGKAT SUNGAI BATU 2, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SHAREZAN BIN JAMIL - 77032802****
124-F LEBUH MAHSURI, TAMAN MELATI, SUNGAI NIBONG KECIL, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 11400
Peminjam : MUHAMAD SYAZWAN BIN RIZUAN - 91031107****
76-J, JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : RIZUAN BIN JAAFAR - 60062202****
NO.76-J JALAN PERAK 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MD DESA BIN REJAB - RF/83***
1A-1-3 LEBUHRAYA THEAN TEIK, PERUMAHAN POLIS FARLIM FASA II, 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11401
Peminjam : MOHAMAD HISHAMUDIN BIN BOKHAIRI - 88061835****
NO. 10 LORONG BENTARA 15, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHD NAZRI BIN BOKHAIRI - 84092101****
NO.10 LORONG BENTARA 15, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : BOKHAIRI BIN BASAR - 53071301****
NO.10 LORONG BENTARA 15, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11403
Peminjam : MUHAMMAD AZLAN BIN ABD RAHIM - 83102507****
4687 JARAK ATAS 13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : ABD RAHIM BIN HJ SHARIFF - 54041707****
NO.4687 JARAK ATAS 13310 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NORYUSMALINA BINTI MOHAMAD YUSOP - 88070207****
NO. 15 LORONG SHAHBANDAR 31, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11413
Peminjam : OOI HOOI MAY - 91110407****
2-05-05 SERI JELUTONG, LINTANG MADRASAH, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TEOH CHAI LEE - 65062902****
60-16-08 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LEE PHAIK LAY – (MENINGGAL DUNIA)
2-05-05 LINTANG MADRASAH, SERI JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11414
Peminjam : MUHAMMAD FAIZ BIN MOHAMAD ARIF - 89083107****
2-1-4 INTANA RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 1 : MOHAMAD ARIF BIN YAHAYA - 60112907****
2-1-4 INTANA RIA 1, JALAN 7/4, SEKSYEN 7, BANDAR BARU BANGI 43650 SELANGOR
Penjamin 2 : MOHD HADZIN BIN AHMAD - 55120508****
1505 JALAN 1D/3 , BANDAR BARU SUNGAI BULUH 47000 SELANGOR

No Akaun : 11415
Peminjam : MUHAMMAD MURSYID BIN ABDUL SAMAD - 90120807****
18-04-15 TAMAN UTARA, TINGKAT BATU UBAN 2, BATU UBAN 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL SAMAD BIN S S PAKEER MOHD - 65030407****
18-4-15 TAMAN UTARA, BATU UBAN, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISMAIL BIN KALANDAR MASTAN - 51012771****
A-2-1-7 HALAMAN AREKA, LEBUH NIPAH, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 11418
Peminjam : MOHD FIRDAUS BIN ABDUL GANIY - 89011907****
3-5-2 LEBUH NIPAH 2, ( PRIMA VIEW ) BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : JARINA BEGAM BINTI MOHAMED ABU BAKAR - 76070907****
BLOK A-3-12 , BEREK POLIS DATO KERAMAT 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD JAMAL BIN DIN MOHAMAD - 63050707****
2-Q JALAN BERIKSA TIGA, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11419
Peminjam : MUHAMMAD SYAZWAN BIN AZAHAR - 90083007****
866C BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ABU HASAN BIN KASSIM - 64090302****
NO. F21 BATU 10 1/2 , SIMPANG 3, KARANGAN 09700 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : ROSLIZA BINTI AZALI - 80120907****
NO. 768 BAGAN NYIOR, JURU 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11420
Peminjam : MUGUNEISS ISWARI A/P NAGALINGGAM - 85011107****
NO.1 LORONG TENGGIRI 7, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : NAGALINGGAM A/L PALANDAY - 50061807****
NO. 1 LORONG TENGGIRI 7, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI
Penjamin 2 : ELANGO A/L SOMASANDERAM - 84053008****
NO. 21 LORONG SUTERA 2 , TAMAN SUTERA, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 11427
Peminjam : BADRUL HISHAM BIN YAHAYA - 85021307****
4-3-20 TINGKAT SERI GENTING 1, TAMAN SRI INDAH 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD RASHID BIN MUSTAFA - 85101207****
NO.574 MUKIM E, TITI TERAS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZAITUN BINTI BAKAR - 66082707****
4-3-20 TINGKAT SERI GENTING 1, TAMAN SRI INDAH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG



BANDAR CASSIA, BATU KAWAN
Hijau
E-KOMUNITI
HARGA JUALAN
RM168,000-
RM220,000
KELUASAN RUMAH :
900 - 1000 kaki persegi
CCC diperolehi
04 - 613 9999
04 - 505 0001
KINI ANDA MAMPU
www.pmm.gov.my
dua RESIDENSI
TELUK KUMBAR
HARGA JUALAN
RM250,000-
RM300,000
KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi
JIRAN RESIDENSI
KAMPUNG JAWA BUTTERWORTH
HARGA JUALAN
RM200,000-
RM250,000
KELUASAN RUMAH :
850 - 1000 kaki persegi
Kini dibuka kepada orang ramai.*
* Tertakluk kepada syarat-syarat.
Dua Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju Perumahan: 8924-5/10-2018/0803(L) Tempoh Sah: 18/10/2016 - 17/10/2018 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-5/10-2018/0803(P) | Tempoh Sah: 18/10/2016 - 17/10/2018 | Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(6163)/13(LB) | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 18/12/2115) | Tarikh Dijangka Siap: Disember 2018 | Bebanan: Tiada | Jumah Unit: 694 unit | Harga Jualan: RM72, 500 (Min) - RM330,000 (Maks)
Jiran Residensi - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju Perumahan: 8924-6/11-2019/0964(L) | Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-6/11-2019/0964(P) | Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Seberang Perai | Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/40/20-24/38 | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 23/11/2115) | Tarikh Dijangka Siap: Mac 2018 | Bebanan: Tiada Jumah Unit: 707 unit | Harga Jualan: RM72, 500 (Min) - RM250,000 (Maks)
- Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindah milik, dicagar, pajak atau pajakan kecil atau dengan apa-apa urusan sekalipun diuruskan tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.
- Huraian ciri-ciri di dalam ini adalah cadangan sahaja serta semua ilustrasi dan gambar adalah gambaran artis sahaja dan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak pemaju atau sebagaimana yang dinasihatkan oleh pakar-pakar perunding atau diperlukan oleh pihak berkuasa.
- Sila rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa dan unit sebenar akan dibina dengan sewajarnya.
Perumahan Mampu Milik
PDC




TAMAN RESIDENSI PANCHOR
FASA 2 @ NIBONG TEBAL
RUMAH BERKEMBAR 2-TINGKAT
Luas Tanah • 2885 kps
Luas Binaan • 2017 kps
Harga Minima • RM650,000.00
Harga Maksima • RM950,000.00
RUMAH BANGLO 2-TINGKAT (JENIS A)
Luas Tanah • 5210 kps
Luas Binaan • 2706 kps
Harga Minima • RM988,000.00
Harga Maksima • RM1,050,000.00
1 BLOK RUMAH PANGSA KOS SEDERHANA RENDAH 8-TINGKAT
Luas Binaan: 700 kps
Harga: RM72,500
Jumlah Unit: 85 unit
Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera
RUMAH BANGLO 2-TINGKAT (JENIS B)
Luas Tanah • 4000 kps
Luas Binaan • 2237 kps
Harga Minima • RM788,000.00
Harga Maksima • RM888,000.00
Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat Sila hubungi:
Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Paras 20, KOMTAR 10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242/6505 244
Fax: 04-2622 904
PANCHOR RESIDENCE SDN BHD (983171-W)
29, Jalan Maju, Pusat Perniagaan Maju Jaya, 14000 BM
Tel: 04-5388 919 / 5399 919 Fax: 04-5388 929
• Nama pemaju perumahan: Taman Residensi Panchor (Fasa2) • Jenis projek: Banglo 2-tingkat, Berkembar 2-timgkat, Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah 8-tingkat • No lesen pemaju: 13820-1/01-2019/01030(L) • Tempoh sah: 03/01/2018 - 02/01/2019 • No. permit iklan & jualan: 13820-1/01-2019/01030(P) • Tempoh sah: 03/01/2018 - 02/01/2019 • Pihak berkuasa yang meluluskan: MPSP • No. pelan susunatur: (25A) dlm.MPSP/70/39-67/25 B.2 & (26A) dlm.MPSP/70/39-67/25 B.3 • No. pelan bangunan: MPSP/40/20-67/41 & MPSP/40/20-67/50 • Tarikh dijangka siap: DIS 2018 • Hakmilik tanah: Pegangan Bebas • Bebanan tanah: TIADA • Jumlah unit: Banglo -14 unit / Berkembar - 84 unit / Rumah Pangsa - 85 unit • Baki unit yang belum dijual: Banglo -7 unit / Berkembar - 60 unit / Rumah Pangsa - 85 unit • Harga minima: Banglo (Jenis A) - RM988,000.00 / Banglo (Jenis B) - RM788,000.00 / Berkembar - RM650,000.00 / Rumah Pangsa - RM72,500 • Harga maksima: Banglo (Jenis A) - RM1,050.000.00 / Banglo (Jenis B) - RM888,000.00 / Berkembar - RM950,000.00 / Rumah Pangsa - RM72,500

# ‘Plogging’ pupuk kesedaran terhadap alam sekitar

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA** – Bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini, *Penang Green Council* (PGC) buat julung kalinya menganjurkan aktiviti Plogging Bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dekat Taman Tunku di sini baru-baru ini.

Program berkenaan turut disokong oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

Kon Yeow dalam ucapan perasmian berkata, ‘*plogging*’ merupakan gabungan dua aktiviti iaitu berjoging sambil mengutip sampah yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar.

“Sebagai makluman, tema Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini adalah ‘Perangi Pencemaran Plastik’ yang sangat bermakna bagi Kerajaan Negeri.

“Sejak 2009, Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen ‘Hari Tanpa Beg Plastik Percuma’ di pusat membeli-belah dan pasaraya yang merupakan langkah kecil untuk memupuk kesedaran masyarakat dalam mengurangkan sisa plastik.

“Memandangkan tema yang ditetapkan adalah mengakhiri pencemaran plastik, maka aktiviti *plogging* dianjurkan bagi memperkenalkan gaya hidup mesra alam yang boleh dijadikan inisiatif baru bagi aktiviti kesukarelawan kepada orang awam,” katanya.

Program turut dimeriahkan dengan kehadiran Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Dr. Afif Bahardin (Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar); Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berapit, Heng Lee Lee; Gooi Hsiao Leung (ADUN Bukit Tengah); H’ng Mooi Lye (ADUN Jawi).

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang; Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod dan Pengurus Urusan PGC, Thing Siew Shuen turut hadir.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan, Pulau Pinang berhasrat untuk menjadi negeri paling hijau di negara ini yang dipacu oleh ekonomi hijau, urus tadbir inovatif melalui perkongsian 4P iaitu *Public, Private, People,* dan *Professional* serta agenda pembangunan mampan.



**CHOW Kon Yeow (barisan depan, dua dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Program Plogging Bersama-sama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

“Oleh itu, kita (Kerajaan Negeri) menggesa semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, industri, komuniti dan individu untuk bersama-sama mencari alternatif yang mampan, mengutamakan polisi, tindakan dan penyelesaian demi kemajuan jangka panjang untuk alam sekitar, ekonomi dan masyarakat.

“Marilah kita berganding bahu dan berusaha membawa Pulau Pinang ke peringkat yang lebih tinggi, bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi malah menjadi negeri paling hijau di Malaysia,” ujarnya.

Sebagai rekod, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak pernah menebang hutan simpanan kekal walaupun seinci dan telah berjaya menanam lebih daripada 271,000 pokok baru sejak tahun 2008.





# Larian Obor APMG 2018 jelajah Sarawak

Gambar : **SU CHIN**

**GEORGE TOWN -** Bahang kemeriahan Kejohanan Asia Pacific Masters Games 2018 (APGM 2018) semakin dirasai dengan penganjuran acara Larian Obor APGM 2018 yang kini memasuki peringkat negeri Sarawak.

Perkara itu dinyatakan dalam satu taklimat yang turut dihadiri Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang merangkap Presiden Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) bersama-sama wakil dari pihak berkuasa tempatan (PBT) Sarawak.

Larian Obor APGM 2018 peringkat negeri berkaitan adalah melibatkan beberapa daerah bermula di Limbang dan berakhir di Kuching dengan jarak sejauh 4,000 kilometer (km).

Tung Seang dalam ucapannya menyifatkan bahawa acara Larian Obor APGM 2018 adalah sebagai sebuah program menarik selain mampu mempromosikan tempat-tempat menarik di Sarawak.

Di peringkat Daerah Limbang, difahamkan Larian Obor APMG 2018 adalah bermula di Dataran Jubli Emas dan dirasmikan Walikota Daerah Limbang, Suffian Mahad pada 18 Jun lalu yang menerima obor diserahkan oleh Pengarah Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian Perbadanan Labuan, Mahathir Abd. Hamid.

Obor kemudian dibawa berarak di sekitar kawasan Limbang oleh lebih daripada 30 pelari serta penunggang basikal dan larian berakhir di Taman Tasik Emas untuk upacara penanaman pokok.

Terdahulu, sebanyak 31 agensi kerajaan termasuk 12 PBT iaitu Kota Kinabalu, Kudat, Kota Marudu, Ranau, Tamparuli, Tuaran, Kota Belut, Putatan, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Menumbok dan Wilayah Persekutuan Labuan terlibat dalam larian peringkat negeri Sabah.

APGM 2018 akan berlangsung dari 7 hingga 15 September di Pulau Pinang dengan sasaran seramai 5,000 peserta melibatkan 34 negara.



AR. Yew Tung Seang (kanan sekali) menyempurnakan gimik penyerahan obor sempena Larian Obor APMG 2018 yang memasuki peringkat negeri Sarawak pada sesi taklimat bersama-sama wakil PBT negeri berkaitan di sini baru-baru ini.







## BAHAGIAN PERUMAHAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Tingkat 20, KOMTAR,10503 Pulau Pinang No. Tel: 04-262 1957 No. Faks: 04-262 2904

